

MRT jadi hub dagangan usahawan bumiputera

PERKHIDMATAN Mass Rapid Transit (MRT) Sungai Buloh-Kajang fasa pertama yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada Khamis lalu memberikan khabar baik bukan sahaja buat penduduk di kawasan sekitar laluan MRT tersebut malah kepada golongan usahawan bumiputera.

Najib mengotakan janji yang dibuatnya ketika Perhimpunan Agung UMNO 2016 yang lalu apabila mengumumkan usahawan bumiputera akan diberikan 50 peratus ruang niaga di stesen-stesen MRT berbanding sasaran awal iaitu hanya 30 peratus.

Dalam ucapannya ketika melancarkan projek itu, Najib dipetik berkata, projek berkenaan berjaya menganugerahkan 50 peratus daripada jumlah nilai kontrak kepada syarikat bumiputera, melebihi sasaran 43 peratus yang ditetapkan di peringkat awal.

"Walaupun sebilangan pakej kerja telah diperuntukkan untuk bidaan bagi syarikat Bumiputera, projek ini turut menyaksikan syarikat bumiputera yang telah membida dan berjaya dalam tender bagi pakej kerja kategori terbuka," katanya baru-baru ini.

Laluan fasa pertama MRT yang melibatkan 12 stesen antara Sungai Buloh dan Semantan dengan jarak sejauh 21 kilometer itu dibuka kepada orang ramai secara percuma selama sebulan sehingga 16 Januari 2017.

Stesen tersebut meliputi stesen Sungai Buloh, Kampung Selamat, Kwasa Damansara, Kwasa Sentral, Kota Damansara, Surian, Mutiara Damansara, Bandar Utama, Taman Tun Dr Ismail, Phileo Damansara, Pusat Bandar Damansara and Semantan.

Fasa kedua sejauh 30 kilometer membabitkan 19 stesen dari Semantan ke Kajang dijangka beroperasi sepenuhnya bermula 31 Julai 2017.

Penganalisis politik, Prof. Dr. Sivamurugan Pandian berpendapat, projek MRT fasa pertama dan kedua yang sedang dijalankan itu memberi banyak faedah dan manfaat daripada kerja pembinaan pada masyarakat khususnya dalam membuka peluang-peluang pekerjaan selain meningkatkan nilai tanah pada



kawasan berkenaan.

Sivamurugan yang juga Pensyarah Antropologi dan Sosiologi, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia berkata, pengumuman Perdana Menteri itu juga dapat merancakkan lagi ekonomi usahawan bumiputera dan dengan bantuan Majlis Amanah Rakyat ia mampu menjadi hub dagangan golongan berkenaan.

“Saya lihat peluang perniagaan di setiap hentian MRT itu mampu menjadikan ia sebagai hub barangan Bumiputera

“Projek ini memberi banyak manfaat apabila kontrak diberi kepada pelbagai syarikat bumiputera melangkaui sasaran yang ditetapkan oleh kerajaan selain membuka banyak peluang pekerjaan.

“Saya lihat peluang perniagaan di setiap hentian MRT itu mampu menjadikan ia sebagai hub barangan bumiputera dan ia boleh direalisasikan dengan sistem sokongan yang perlu diperhebat bagi memastikan maklumat perlu sampai kepada kumpulan sasar yang sebenar,” ujarnya.

Sementara itu, Timbalan Presiden II, Persatuan Wanita Bumiputera dalam Perniagaan dan Profesyen Malaysia (Peniaga-wati), Ili Zawani Ismail memberitahu, langkah diambil oleh pihak kerajaan itu sememangnya

merupakan satu usaha yang bagus bagi membantu usahawan bumiputera.

Bagaimanapun kata beliau, lebih penting adalah untuk melihat usaha itu direalisasikan dengan memberi peluang secara adil buat semua usahawan dan tidak terhad kepada golongan tertentu yang mempunyai kepentingan sahaja.

“Setakat ini, tiada ahli Peniaga-wati yang terlibat dan harapan kami supaya peluang itu diberikan kepada yang betul-betul memerlukan dan diberi secara adil dengan tujuan membantu usahawan-usahawan bumiputera bukan sekadar untuk mendapat tempat sahaja tapi bantuan untuk membangunkan perniagaan,” katanya.

Sementara itu, seorang pengguna MRT dari stesen Bandar Utama, Rozainawati Md. Ghazali, 36, yang mencuba perkhidmatan tersebut bersama anak-anaknya kelmarin berkata, pilihan roti dan kek yang dijual di stesen MRT Sungai Buloh ternyata memudahkannya orang ramai untuk mendapatkan makanan sementara pulang ke rumah.

Ujarnya, kelibat usahawan bumiputera seperti Noras Delight yang datang dari Kuala Kangsar, Perak memberikan pengguna pilihan untuk merasai makanan dari negeri tersebut.

“Saya gembira dengan perkhidmatan yang ditawarkan di setiap stesen yang kami pergi dan lebih menarik lagi apabila kami dapat membeli makanan seperti roti dan kek untuk dibawa pulang,” katanya ketika ditemui baru-baru ini.